

STRATEGI EUFEMISME SEBAGAI PENGUNGKAPAN IDEOLOGI DALAM PERDEBATAN

EUPHEMISM STRATEGY AS IDEOLOGY EXPRESSION IN DEBATE

Ummi Khalilah Azman¹

Aminnudin Saimon^{2*}

^{1,2}Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Kampus Pagoh, 84600 Pagoh Muar Johor.

deanamin@iium.edu.my*

Dihantar/Received: 30 Sept 2025 | Penambahbaikan/Revised: 27 Nov 2025

Diterima/Accepted: 02 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7159>

ABSTRAK

Eufemisme merupakan bentuk bahasa halus yang menitikberatkan kesopanan, kelembutan, serta penggunaan kiasan dalam ujaran bagi memelihara keharmonian komunikasi. Penelitian terhadap eufemisme dalam pengucapan amat penting, khususnya dalam konteks komunikasi yang melibatkan khalayak ramai, kerana ia berperanan mengurangkan potensi konflik, salah faham, atau penolakan terhadap sesuatu mesej. Keupayaan penutur mengaplikasikan strategi eufemisme dalam menyampaikan ideologi bukan sahaja menjamin kejelasan maklumat, tetapi juga meningkatkan tahap penerimaan audiens serta memperkukuh keberkesanan idea yang ingin diketengahkan. Dalam konteks arena perdebatan, strategi eufemisme menjadi keperluan utama kerana ia membolehkan pendebat mengemukakan hujah dengan lebih berhemah, tanpa menjejaskan kekuatan ideologi yang ingin disampaikan. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan menganalisis strategi eufemisme sebagai mekanisme pengungkapan ideologi dalam wacana debat, berpandukan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan teks, berfokus kepada Pertandingan Debat Piala Diraja Peringkat Akhir 2023. Kaedah ini dipilih kerana setiap ujaran yang dilontarkan oleh pihak kerajaan mahupun pembangkang dapat diperincikan dari segi kandungan eufemisme serta diteliti kesesuaiannya dengan maksim Prinsip Kerjasama Grice (1975). Hasil dapatan menunjukkan bahawa strategi eufemisme merupakan teknik linguistik yang signifikan dalam perdebatan, kerana eufemisme berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan ideologi kepada masyarakat secara berkesan. Teknik ini turut membantu penutur menyalurkan hujah dengan mengekalkan kesopanan, menjaga sensitiviti audiens, serta menyerlahkan nilai kehalusan berbahasa. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa eufemisme bukan sahaja memperkukuh keberkesanan komunikasi, tetapi juga memperlihatkan kepatuhan penutur terhadap norma sosial dan prinsip kesantunan bahasa.

Kata Kunci: Eufemisme, ideologi, debat, prinsip kerjasama dan ungkapan.

ABSTRACT

Euphemism refers to the use of refined and tactful language that emphasizes politeness, subtlety, and figurative expressions in order to maintain harmony in communication. Analysing the use of euphemisms in speech is particularly significant for ensuring communicative balance, especially when addressing a large and diverse audience. A speaker's ability to employ euphemistic strategies in the articulation of ideologies plays a crucial role in ensuring not only the clarity of information but also the acceptance of arguments and the reinforcement of key ideas presented. Within the domain of debate, euphemistic strategies are especially essential as they serve as rhetorical tools to present ideologies effectively and persuasively in ways that resonate with the audience. In light of this, the present study examines euphemistic strategies as a medium of ideological expression in debates, guided by Grice's Cooperative Principle (1975). The study adopts a qualitative approach, employing textual content analysis of the 2023 Royal Debate Championship Final. This method allows for a detailed scrutiny of every utterance delivered by debaters, whether from the government or opposition side, to identify euphemistic elements and to interpret them through the framework of Grice's maxims. The findings of the study indicate that euphemistic strategies function as deliberate techniques employed by debaters to communicate ideologies effectively to the audience. Furthermore, these strategies enable speakers to convey arguments while maintaining politeness, linguistic refinement, and rhetorical subtlety, thereby strengthening the acceptance and impact of the ideologies advanced during debate.

Keywords: *Euphemism, ideology, debate, cooperative principle, and expression.*

PENGENALAN

Eufemisme merupakan salah satu teknik linguistik yang digunakan untuk menggantikan perkataan tabu atau ungkapan yang berpotensi menyinggung dengan istilah yang lebih sopan, berterima, dan berhemah (Anis Asnira Mohd Faizal dan Mohammed Azlan Mis, 2024). Dalam konteks komunikasi, strategi ini berfungsi bukan sahaja sebagai mekanisme penghalus bahasa, tetapi juga sebagai medium mengekalkan kesantunan interaksi. Oleh hal yang demikian, penerapan strategi eufemisme dapat dilihat melalui pelbagai bentuk seperti penggunaan kiasan dalam menyampaikan teguran, pemilihan kata ganti nama diri yang sesuai berdasarkan hierarki sosial, serta mengelakkan penggunaan istilah yang kasar atau menyinggung. Peranan strategi eufemisme menjadi semakin penting dalam wacana komunikasi kerana strategi ini menonjolkan sifat kesopanan, hormat-menghormati, dan kerendahan hati. Kajian oleh Ahmad Fuad Mat Hasan et al., (2020) menegaskan bahawa bahasa eufemisme bukan sahaja berfungsi sebagai bentuk kesantunan, tetapi juga mencerminkan nilai kesetiaan dan integriti dalam komunikasi, khususnya apabila melibatkan konteks formal, budaya, atau hubungan interpersonal yang sensitif.

Penggunaan eufemisme dapat dianggap sebagai strategi pragmatik yang mengekalkan keharmonian sosial di samping memastikan mesej yang ingin disampaikan tidak kehilangan kekuatan ideologi atau maksud asalnya. Dalam konteks lebih luas, strategi ini turut memperlihatkan bahawa penutur bukan sekadar menyampaikan mesej, tetapi juga menekankan aspek etika berbahasa yang berakar daripada norma budaya dan nilai masyarakat. Penggunaan strategi ini akan mewujudkan perubahan perkataan yang lebih santun dalam ujaran. Perkara ini merupakan satu bentuk strategi eufemisme yang boleh menyenangkan pendengar dan tidak menimbulkan spekulasi yang negatif. Bertitik tolak daripada perkara ini, kegagalan mengetengahkan eufemisme dalam komunikasi terutamanya dalam komunikasi formal boleh menyebabkan penutur mencetuskan konflik dalam sesuatu komunikasi. Justeru, unsur eufemisme ini sangat berkait rapat dengan arena perdebatan. Bagi aspek perdebatan, seseorang yang ingin menyampaikan sesuatu ideologi, perlu bijak memilih

setiap ujaran yang ingin disampaikan. Hal ini adalah untuk memastikan ideologi yang dibawa dan diterima mempunyai nilai baik bagi meyakinkan pendengar. Komunikasi yang menarik dan memikat bermula daripada pemilihan bahasa yang kukuh dan baik. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2020) bahawa bahasa yang halus yang diajarkan melalui ucapan memainkan peranan untuk mengukuhkan bahasa, mempertahankan hujah dan menyebarkan ideologi dengan lebih berkesan. Bagi arena perdebatan pula, untuk mempertahankan dan menyampaikan hujah kedua-dua belah pihak bukan sahaja harus lantang berkata-kata, malah penggunaan kata yang halus juga merangsang pendengar untuk menerima sesuatu ujaran yang disampaikan.

Debat bukan sekadar medium pengucapan yang membincangkan sesuatu usul, tetapi turut menjadi kayu ukur terhadap tahap penguasaan berbahasa seseorang pendebat. Hal ini selaras dengan pandangan Stanley, M. L., dan Neck, C. P. (2025) yang menegaskan bahawa pencapaian tahap dinamik dalam debat sangat bergantung pada penggunaan bahasa sejak awal pembukaan hujah. Pemilihan leksikal yang tepat, bernuansa, serta tersirat pelbagai makna mampu menjadikan penyampaian debat lebih berkesan dan bernilai retorik tinggi. Menurut Anadya Shafitiri (2020) eufemisme dalam debat dapat berperanan sebagai strategi komunikasi yang bukan sahaja menambah variasi penyampaian hujah, malah membantu membina keyakinan pendengar tanpa menimbulkan konfrontasi atau perbalahan yang tidak perlu. Hal ini disokong oleh Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2020) yang mendapati bahawa perbalahan dalam debat sering tercetus apabila pendebat melanggar aturan Dewan Rakyat, termasuk penggunaan kata-kata kesat atau tidak sopan. Justeru, kualiti sesuatu debat bukan sahaja diukur melalui kekuatan fakta, tetapi juga bergantung kepada kemampuan pendebat menyampaikan hujah secara berhemah dan bersantun. Penggunaan eufemisme dalam debat memainkan peranan penting dalam penyampaian ideologi yang harmoni dan beretika. Pemilihan bahasa yang halus, strategi leksikal yang berkesan, serta teknik penghujahan yang penuh keyakinan akan meningkatkan kredibiliti pendebat dan menarik minat pendengar. Debat yang berkualiti seharusnya berlangsung dalam suasana intelektual yang kondusif yang memperlihatkan kedua-dua pihak bijak memilih perkataan dan strategi bahasa demi memastikan perbincangan yang bernilai, membina, dan bermaruah.

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada penganalisan strategi eufemisme sebagai medium pengungkapan ideologi dalam wacana debat. Fokus kajian diarahkan kepada video Pertandingan Debat Diraja Peringkat Akhir 2023 yang mempertemukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai pihak kerajaan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pihak pembangkang. Video berdurasi dua jam tersebut telah dimuat turun daripada platform *YouTube* dan seterusnya ditranskripsi sepenuhnya bagi tujuan penganalisan. Melalui transkripsi tersebut, strategi eufemisme dikenal pasti dan dianalisis dari segi penerapan prinsip kesantunan, khususnya berlandaskan Prinsip Kerjasama Grice (1975) bagi menilai keberkesanan penggunaan bahasa yang sopan dalam menyampaikan hujah serta implikasinya terhadap pengungkapan ideologi.

Penyataan Masalah

Kajian mengenai eufemisme telah lama menjadi perhatian sarjana dalam pelbagai konteks. Kajian daripada Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah (2023) meneliti unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu yang dikaitkan dengan akal budi orang Melayu, manakala Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad dan Zulazhan Ab. Halim (2021) pula meneliti eufemisme dalam al-Quran dan terjemahannya dalam bahasa Melayu untuk mengenal pasti bahasa halus yang digunakan dalam menyampaikan nasihat serta ajaran Islam. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kajian lepas mendapati aspek strategi eufemisme sebagai medium pengungkapan ideologi dalam debat masih kurang diberikan perhatian oleh pengkaji. Hakikatnya, debat merupakan satu lapangan komunikasi khalayak yang signifikan kerana berfungsi untuk membincangkan, mempertahankan, dan menyebarkan ideologi sama ada

untuk diterima atau ditolak oleh pendengar. Hal ini turut disokong oleh Muhamad Faisal Ashaari, Nor Faizah dan Ismail Rosmawati Mohamad Rasit (2019) menegaskan bahawa dalam menyampaikan ideologi yang berkesan, unsur permainan minda dan tingkah laku perlu dititikberatkan bagi mempengaruhi penerimaan masyarakat. Justeru, kelompangan dalam kajian lampau ini perlu diisi dengan analisis yang lebih terperinci terhadap wacana debat kerana debat bukan sahaja mencerminkan strategi berbahasa, tetapi juga menceritakan perkembangan semasa dan cara pemikiran masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan. Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan penganalisisan strategi eufemisme dalam wacana debat kerana debat berpotensi membantu para pendebat untuk mempelbagaikan teknik penyampaian ideologi dengan lebih berkesan dan berpengaruh.

Selain itu, pertandingan debat kini semakin mendapat tempat sebagai salah satu acara berprestij di peringkat sekolah mahupun universiti. Pada tahun 2023, pasukan debat Malaysia berjaya menempah nama di kejohanan dunia sehingga menjadikan pertandingan ini antara acara yang dinantikan oleh masyarakat, khususnya dalam kalangan pelajar universiti. Justeru, satu kajian mendalam wajar dijalankan untuk mengenal pasti strategi eufemisme yang lebih berkesan agar penyampaian ideologi dalam debat dapat dizahirkan dengan baik. Hal ini penting kerana masih terdapat pendebat yang sering mengetepikan aspek kesantunan berbahasa sehingga menimbulkan konflik dan perbalahan. Menurut Ahmad Fuad Mat Hasan et al. (2020), isu kesantunan semakin membimbangkan dalam negara apabila wujudnya kecenderungan penutur bersikap biadab dalam pengucapan sama ada secara formal mahupun tidak formal. Keghairahan pendebat dalam menegakkan hujah dan mempertahankan ideologi sering kali menyebabkan pendebat mengabaikan nilai eufemisme ketika melontarkan idea dan pandangan. Dalam menyebarkan ideologi, penutur seharusnya lebih tenang dan berhikmah agar setiap idea dan penghujahan mudah difahami serta diproses oleh pendengar (Fitria Salsabella et al., 2023).

Strategi eufemisme terbukti memberikan impak positif dalam penyampaian ideologi yang dibawa oleh pendebat. Namun begitu, penerapan nilai kesantunan dalam arena debat didapati masih longgar dan kurang dipraktikkan secara konsisten. Hal ini lebih ketara apabila latihan debat yang dijalankan cenderung menitikberatkan aspek teknikal seperti pencarian bahan, struktur hujah, serta pengurusan masa sedangkan penggunaan bahasa yang santun dan berlapik kurang diberi perhatian. Misalnya, Hu, Y., (2024) tidak menekankan secara mendalam strategi eufemisme sebagai pendekatan berkesan dalam penghujahan. Menurut Model Kesantunan Asmah (1996; 2000), aspek penjagaan air muka, kesedaran terhadap hierarki sosial, serta kepatuhan kepada tajuk merupakan elemen penting dalam mengekalkan kesantunan berbahasa dan kelangsungan komunikasi yang harmoni. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna dalam memperkukuh pemahaman para pendebat terhadap strategi eufemisme, seterusnya membantu mereka menyampaikan ideologi secara lebih berkesan, berhemah, dan diterima baik oleh khalayak.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, terdapat satu objektif yang utama, iaitu;

1. Menganalisis strategi eufemisme sebagai pengungkapan ideologi dalam debat menggunakan Prinsip Kerjasama Grice (1975).

SOROTAN KAJIAN

Antara kajian lepas yang memberi tumpuan terhadap penggunaan eufemisme termasuklah dalam konteks debat politik, teks agama, karya sastera serta komunikasi pelajar. Dalam

bidang debat politik, beberapa kajian antaranya ialah *Analisis Eufemisme dalam Debat Perdana Calon Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia pada Pemilihan Presiden 2019* (Anadya Syafiri Syahil, 2023), *Disfemisme dan Eufemisme dalam Debat Final Trump vs Biden* (Muhammad Brilliant, 2021), *Eufemisme dalam Debat Capres Indonesia* (Wahyuningsih, 2020). Dalam konteks teks agama pula, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad dan Zulazhan Ab. Halim (2021) meneliti aspek leksikal eufemisme dalam al-Quran dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Sementara itu, kajian lain turut mengaitkan eufemisme dengan komunikasi sosial dan budaya, seperti *Eufemisme dan Difemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech* (Rahizian Mohd Shukor, Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Kesavan Nallaluthan, 2021), *Unsur Eufemisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif* (Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar, 2023), *Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau* (Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib & Melor Fauzita, 2020), serta *Aspek Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dua Buah Negara* (Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim & Wan Azni Mohamad, 2021). Kajian lain yang turut meneliti dimensi eufemisme dalam wacana ialah *Analisis Eufemisme dan Difemisme pada Judul Berita Online Tribunsumsel.com* (2022). Secara keseluruhannya, kesemua kajian ini berkongsi matlamat yang hampir sama iaitu meneliti sejauh mana penggunaan eufemisme diaplikasikan oleh masyarakat yang datang daripada pelbagai latar belakang dan kelas sosial. Oleh itu, tinjauan literatur ini akan menumpukan kepada tiga tema utama iaitu aspek kajian, prospek kajian, serta pendekatan yang digunakan dalam jurnal yang dirujuk.

Kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa eufemisme sering diaplikasikan dalam pertuturan formal, khususnya ketika berhadapan dengan khalayak ramai. Sebagai contoh, Wahyuningsih (2020) mendapati wujud beberapa jenis eufemisme yang digunakan dalam perdebatan, antaranya bentuk *hedges*. Jenis ini berfungsi untuk meredakan potensi konflik dengan pihak lawan melalui penggunaan ungkapan seperti “saya kira”, “mungkin”, dan “pada pandangan saya”. Ungkapan tersebut digunakan bagi menjaga sensitiviti pihak lawan ketika menjawab soalan, walaupun penutur tidak dapat mengesahkan ketepatan fakta yang diberikan. Selain itu, kajian tersebut juga mengenal pasti penggunaan eufemisme berbentuk kata serapan dan pinjaman dalam debat. Strategi ini bertujuan melembutkan bahasa agar tidak menyinggung pendengar. Misalnya, istilah “bukan finansial” digunakan sebagai ganti kepada ungkapan yang lebih kasar seperti merujuk golongan yang terlibat dengan pecah amanah atau penerimaan wang haram. Penggunaan istilah sebegini menjadikan hujah lebih mudah diterima oleh pendengar disampaikan dalam bentuk yang lebih sopan dan halus.

Kajian bertajuk *Analisis Eufemisme dalam Debat Perdana Calon Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia pada Pemilihan Presiden 2019* oleh Anadya Syafiri Syahil (2023) meneliti makna kontekstual di sebalik ujaran yang dilontarkan oleh para pendebat. Penyelidikan ini dilaksanakan melalui analisis wacana lisan dan tulisan Capres-Cawapres 2019 yang mengandungi unsur eufemisme dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif terhadap bahasa politik dalam kerangka demokrasi Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa eufemisme dapat dikategorikan kepada beberapa bentuk utama, iaitu implikasi (*implication*), metafora (*metonymy*), ironi (*reversal*), litotes (*understatement*), dan hiperbola (*overstatement*). Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti pelbagai fungsi eufemisme, antaranya eufemisme sebagai perlindungan (*the protective euphemism*), penyemangat (*the uplifting euphemism*), kecurangan (*the underhand euphemism*), provokasi (*the provocative euphemism*), kepaduan (*the cohesive euphemism*), dan menggelikan (*the ludic euphemism*). Kesemua jenis eufemisme ini digunakan oleh calon presiden dalam ucapan debat sebagai strategi retorik untuk memenangi pilihan raya. Secara keseluruhannya, penggunaan ujaran berbentuk eufemisme terbukti mampu menarik perhatian khalayak dan meningkatkan kecenderungan pendengar untuk menerima hujah yang dikemukakan.

Kajian oleh Muhammad Brilliant (2021) yang bertajuk *Disfemisme dan Eufemisme*

dalam Debat *Final Trump vs Biden* di YouTube telah meneliti ujaran eufemisme dengan mengkategorikan bentuknya serta menganalisis gaya pertuturan kedua-dua tokoh debat. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif melalui transkripsi teks debat Trump dan Biden yang diperoleh daripada platform YouTube. Analisis dijalankan berasaskan Teori Allan (2001) dan Saifullah (2018), yang mengklasifikasikan eufemisme kepada beberapa jenis, antaranya *remodelling*, *phonetic similarity*, *acronyms*, *abbreviations*, *verbal play*, *circumlocution*, *hyperboles*, *understatements*, *metonymy*, *substitute*, *synecdoche*, dan *borrowing*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi eufemisme yang paling kerap digunakan dalam debat ialah *remodelling*, *acronyms*, *abbreviations*, *verbal play*, *circumlocution*, *hyperbole*, *understatement*, *substitute*, dan *borrowing*. Hasil analisis turut mendapati Donald Trump lebih dominan dalam mengaplikasikan strategi eufemisme berbanding Joe Biden. Keupayaannya memanfaatkan eufemisme secara meluas dianggap sebagai salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaannya dalam mempengaruhi khalayak dan seterusnya meraih kemenangan pilihan raya.

Aspek kedua yang turut mendapat perhatian dalam kajian lepas ialah penggunaan eufemisme dalam penulisan. Eufemisme telah diaplikasikan secara meluas dalam karya penulisan dan menjadi suatu konvensi bagi para penulis untuk menggunakannya, dengan tujuan memastikan hasil karya yang dihasilkan memberikan impak positif serta tidak menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan pembaca. Kajian oleh Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Melor Fauzita (2020) bertajuk *Unsur Eufemisme dalam Novel Rengau* mendapati terdapat sebanyak 63 unsur eufemisme yang dikenal pasti dalam novel tersebut. Antara kategori yang ditemui, eufemisme jenis konotasi negatif mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 57.14 peratus, diikuti oleh eufemisme jenis penggantian (31.74 peratus), manakala eufemisme berbentuk bahasa kiasan mencatatkan 11.11 peratus. Contoh penggunaan eufemisme jenis konotasi negatif dalam novel ini termasuk ungkapan seperti “I nak You malam ni” dan “mereka telah kembali ke pangkuan Allah”. Kedua-dua contoh tersebut merujuk kepada maksud yang dianggap tabu atau sensitif, namun telah digantikan dengan pilihan kata yang lebih manis dan berlapik. Walaupun berlaku perubahan pada bentuk pengucapan, makna asal serta konteks yang ingin disampaikan penulis masih dikekalkan.

Kajian bertajuk *Leksikal Eufemisme dalam al-Quran dan Terjemahannya* oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa’ad dan Zulazhan Ab. Halim (2021) turut memberikan sumbangan penting dengan menyoroti penerapan eufemisme dalam terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan al-Quran yang diterbitkan oleh Telaga Biru menggunakan pendekatan sociolinguistik dan kesantunan bahasa Melayu bagi memastikan mesej yang disampaikan bersifat halus serta beretika. Antara bentuk eufemisme yang dikenal pasti ialah penggunaan istilah *khinzir* sebagai pengganti perkataan *babi*, iaitu haiwan yang diharamkan umat Islam untuk dimakan dan disentuh. Selain itu, kata *bodoh* yang dianggap tabu dalam konteks bahasa Melayu telah digantikan dengan ungkapan *orang yang kurang pintar* atau *tidak cerdas*. Penggunaan bentuk eufemisme sedemikian dilihat sebagai usaha untuk mengekalkan kelembutan dan kesantunan dalam teks keagamaan, di samping mengelakkan kekasaran bahasa yang boleh menjejaskan kefahaman serta penerimaan pembaca. Malahan, strategi ini juga bertujuan membuka ruang hati pembaca agar lebih mudah menerima perintah dan ajaran Allah SWT dengan penuh keinsafan melalui penggunaan bahasa yang berlapik, santun, dan berhemah.

Secara keseluruhannya, penggunaan eufemisme didapati telah diaplikasikan secara meluas, sama ada melalui medium lisan mahupun penulisan. Dari segi lisan, pengkaji mendapati bahawa eufemisme kerap digunakan dalam konteks pemujaan serta penyampaian ideologi. Strategi ini penting bagi memastikan pendengar bukan sahaja memahami mesej yang disampaikan, tetapi juga terpicat dan terpengaruh dengan hujah penutur. Pemilihan kata dan leksikal yang tepat melalui eufemisme menjadikan komunikasi lebih berkesan serta mengekalkan kesantunan berbahasa. Dalam aspek penulisan pula, eufemisme berfungsi bukan

sahaja untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada pembaca, malah turut menambah daya tarikan teks dengan menyelitkan makna tersirat yang tidak disampaikan secara langsung, sebagaimana yang dapat dilihat dalam analisis novel *Ranggau*. Penulisan tradisional masyarakat Melayu juga memanfaatkan eufemisme, khususnya dalam bentuk peribahasa. Melalui medium ini, teguran dan nasihat disampaikan secara halus agar tidak menyinggung perasaan, sekali gus mencerminkan ketinggian budi serta kesopanan budaya Melayu. Oleh yang demikian, pengkaji menegaskan bahawa kajian mengenai eufemisme adalah penting kerana unsur ini terbukti menjadi salah satu teknik komunikasi yang bernilai, relevan, dan masih diguna pakai oleh penutur mahupun penulis dalam pelbagai domain komunikasi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan deskriptif, yang menekankan penerokaan data secara mendalam melalui analisis kandungan teks, pemerhatian, serta rujukan kepustakaan.

Bagi mengumpul data, pengkaji menggunakan tiga kaedah utama, iaitu kaedah kepustakaan, analisis kandungan teks, dan pemerhatian. Pertama, kaedah kepustakaan dilaksanakan melalui pengumpulan, penilaian, dan penyusunan maklumat daripada pelbagai sumber seperti jurnal, buku, artikel, rencana, dan laporan penyelidikan terdahulu. Kaedah ini bukan sahaja membantu pengkaji memperkukuh hujah dengan sumber yang sahih, tetapi juga memastikan pengkaji memperoleh pemahaman yang jelas tentang konsep, teori, prinsip, dan kerangka yang relevan, di samping mengelakkan isu plagiarisme. Kedua, analisis kandungan teks digunakan untuk meneliti pilihan kata, gaya penyampaian hujah, serta strategi retorik yang diaplikasikan oleh pendebat. Kajian ini memberi tumpuan kepada sebuah video perdebatan dalam *Pertandingan Debat Diraja Antara Institut Pengajian Tinggi 2023* (<https://www.youtube.com/watch?v=75ffoL3uPXY>) yang dipilih sebagai sumber data utama. Video tersebut akan ditranskripsi sepenuhnya sebelum dianalisis untuk mengenal pasti ujaran yang memanifestasikan strategi eufemisme. Ketiga, teknik pemerhatian diaplikasikan bagi menilai konteks interaksi yang berlaku semasa perdebatan. Pemerhatian ini bukan sahaja melibatkan aspek linguistik, tetapi juga ekspresi, intonasi, dan gaya komunikasi pendebat yang dapat memberikan makna tambahan terhadap ujaran yang dianalisis. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga kaedah ini diintegrasikan untuk menghasilkan data yang komprehensif, seterusnya membolehkan pengkaji menilai strategi eufemisme secara lebih terperinci serta menjawab persoalan kajian dengan lebih jelas dan berasas.

Kerangka Teori

Prinsip Kerjasama Grice (1975) menegaskan bahawa dalam sesuatu komunikasi, setiap penutur perlu bekerjasama dengan pihak lain bagi memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan baik serta mencapai tujuan komunikasi. Prinsip ini menekankan bahawa percakapan yang berkesan perlu memenuhi ciri tepat, berasas, relevan, dan jelas (Norhidayu Hasan et al., 2020). Dengan kata lain, setiap pihak yang terlibat dalam interaksi perlu memberikan sumbangan yang signifikan dan bersesuaian dengan konteks perbualan agar mesej yang ingin disampaikan tidak disalah tafsir. Menurut Grice (1975), prinsip kerjasama ini dipecahkan kepada empat maksim perbualan yang menjadi panduan dalam memahami maksud tersurat dan tersirat sesuatu ujaran, iaitu:

1. Maksim Kualiti (Maxim of Quality)

- Penutur perlu memastikan maklumat yang dikongsi adalah benar dan berasaskan bukti.
- Elakkan menyampaikan perkara yang palsu atau yang tidak mempunyai sokongan fakta.

2. Maksim Kuantiti (Maxim of Quantity)

- Maklumat yang diberikan hendaklah mencukupi dan tidak berlebihan.
- Penutur perlu mengelakkan memberi maklumat yang terlalu sedikit (kurang jelas) atau terlalu banyak (berlebihan hingga menimbulkan kekeliruan).

3. Maksim Relevan (Maxim of Relevance)

- Segala maklumat atau ujaran perlu berkaitan secara langsung dengan topik yang sedang dibincangkan.
- Peralihan topik tanpa sebab yang munasabah boleh menjejaskan kerjasama dalam komunikasi.

4. Maksim Cara (Maxim of Manner)

- Ujaran perlu disampaikan secara jelas, teratur, dan tidak mengelirukan.
- Penutur perlu mengelakkan kekaburan bahasa, penggunaan kata yang samar, atau penyampaian yang berbelit-belit.

Keempat-empat maksim ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas dalam menilai komunikasi, tetapi juga penting untuk memahami perbezaan antara makna linguistik (tersurat) dan makna ujaran (tersirat) dalam sesuatu wacana. Justeru, prinsip ini menjadi kerangka penting dalam kajian wacana kerana ia dapat menjelaskan bagaimana penutur menggunakan strategi bahasa, termasuk eufemisme untuk menyampaikan makna dengan lebih berkesan, tanpa menjejaskan kesantunan komunikasi. Untuk huraian yang mendalam, [jadual 1](#) menjelaskan mengenai teori Prinsip Kerjasama Grice (1975).

Jadual 1: Kerangka Teori Prinsip Kerjasama Grice (1975)

Bil.	Maksim	Huraian
1	Kuantiti	Maklumat yang diberikan oleh penutur adalah sempurna dan berinformasi. Penutur juga tidak memberikan maklumat lebih daripada yang diminta atau yang diperlukan dalam perbincangan. Contohnya, dalam sesebuah usul yang dibahaskan penutur tidak memberi maklumat tambahan yang tidak berkaitan yang boleh menyebabkan kekeliruan kepada pendengar.
2	Kualiti	Pernyataan yang dilakukan haruslah tepat, sahih dan ada dalil yang boleh membuktikannya. Penutur tidak boleh mengeluarkan maklumat yang sama sekali diragui kesahihannya. Contohnya, penutur yang ingin mengukuhkan hujah perlulah berlandaskan fakta yang benar dan berautoriti yang boleh meyakinkan pendengar.
3	Relevan	Maklumat yang diberikan haruslah mempunyai perkaitan atau ciri-ciri yang rapat antara satu maklumat dengan maklumat. Contohnya, dalam memberi penerangan maklumat yang disampaikan haruslah berkaitan dan tidak tersasar jauh daripada maklumat sebelumnya.
4	Cara	Maklumat disampaikan dengan jelas dan tersusun. Ucapan yang mempunyai ketaksaan, berbelit-belit dan kekaburan haruslah dielakkan ketika membentangkan sesuatu maklumat. Contonya, penutur harus membina rangkaian ayat yang baik dan tersusun agar maklumat yang disampaikan mudah difahami oleh pendengar.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan keseluruhan dapatan kajian yang diperoleh melalui pelaksanaan beberapa pendekatan yang telah ditetapkan dalam reka bentuk penyelidikan. Fokus utama analisis adalah mengenal pasti serta menghuraikan unsur-unsur eufemisme yang digunakan oleh pendebat sebagai strategi pengungkapan ideologi. Dalam konteks ini, pengkaji meneliti ujaran-ujaran debat dengan menggunakan kerangka teori Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang berasaskan empat maksim utama, iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim relevan, dan maksim cara. Analisis berasaskan maksim-maksim ini membolehkan pengkaji mengenal pasti strategi eufemisme diaplikasikan bukan sahaja untuk mengekalkan kesantunan berbahasa, malah juga untuk memperkukuh penyampaian ideologi agar dapat diterima dengan lebih mudah oleh khalayak dalam pertandingan Debat Diraja 2023. Justeru, bahagian ini memperlihatkan hubungan antara eufemisme, kesantunan, dengan keberkesanan komunikasi dalam debat, sekali gus menzahirkan peranan penting bahasa halus dalam menyampaikan hujah secara berpengaruh dan meyakinkan.

Strategi Eufemisme Sebagai Pengungkapan Ideologi dalam Debat

Analisis ini dilaksanakan dengan meneliti ujaran-ujaran pendebat yang mengandungi strategi eufemisme sebagai pengungkapan ideologi. Dapatan kajian akan dibincangkan secara deskriptif berdasarkan ucapan yang disampaikan oleh enam orang pendebat yang terlibat dalam pertandingan Debat Diraja 2023. Berdasarkan empat maksim yang digariskan dalam Prinsip Kerjasama Grice (1975), iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim relevan dan maksim cara, prinsip ini memperlihatkan setiap maksim diaplikasikan oleh pendebat dalam menyampaikan hujah, serta sejauh mana strategi eufemisme berperanan dalam memperkukuh keberkesanan komunikasi dan mengekalkan kesantunan berbahasa.

Maksim Kualiti

Maksim kualiti merupakan maksim yang menitikberatkan aspek kesahihan, ketepatan, dan kebenaran dalam sesuatu hujah (Grice, 1975). Setiap pernyataan yang diutarakan perlu disokong dengan bukti, fakta, atau dalil yang sahih agar tidak menimbulkan keraguan dalam kalangan pendengar (Norhidayu Hasan et al., 2020). Dalam kajian ini, para pendebat telah berusaha untuk mematuhi maksim kualiti dengan menggunakan hujah yang berfakta, berpandukan data semasa dan disokong oleh sumber autoritatif. Pemilihan fakta yang relevan bukan sahaja memperkukuh keabsahan ideologi yang dibawa, malah turut meningkatkan kredibiliti pendebat di mata audiens dan juri. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi eufemisme dalam maksim kualiti berfungsi sebagai alat untuk melunakkan penyampaian fakta tanpa menjejaskan ketepatan maklumat yang ingin disampaikan. Dengan cara ini, pendebat mampu mengekalkan nilai kesantunan sambil memastikan ideologi yang dibawa tetap diyakini oleh pendengar.

Jadual 2: Maksim Kualiti dalam Debat

Pendebat	Ujaran	Huraian
PM	“Tenaga kerja manusia menurut Artikel <i>World Human Creating More Human Workplace</i> dengan izin Tuan Yang Dipertua merujuk kepada gambaran manusia boleh beradaptasi dan menempatkan diri dalam sektor pekerjaan mahir, separa mahir atau kurang mahir”. “Forum Ekonomi Dunia mendefinisikan kecerdasan buatan seperti, simulasi proses yang dilakukan oleh mesin terutamanya sistem pengkomputeran pada tiga tahap kemampuan spesifik, umum dan juga <i>super</i>”. “Berdasarkan statistik siswazah 2023, jabatan perangkaan	Pendebat menggunakan fakta daripada sumber yang sahih untuk mendefinisikan frasa

	negara menyifatkan, cabaran pasaran buruh masih kekal itu 1.6 juta siswazah didapati bekerja dalam kerja tidak sepadan dengan kelayakan dan kemahiran mereka apabila 10.7 bekerja dalam sektor kerani, 4.9 pertukangan dan lebih 78 ribu siswazah bekerja dalam kategori berkemahiran rendah”.	
KP	“Pertama, masalah pengangguran kita nak tambah peluang pekerjaan. Pertama, adakah hari ini pengangguran kita bermasalah? Tahukah anda pada tahun 2023 masalah pengangguran kita bertambah baik kepada 3.5 % , TYDP ada tak masalah pengangguran? Tidak ada TYDP”. “Namun, Kajian Pembangunan Produktiviti menunjukkan pada tahun 2011 hingga tahun 2001 dalam tempoh 10 tahun TYDP, kadar produktivi kita turun kepada 13.5%”. “Negara Vietnam, bermula tahun 2015-2020 mereka memperkenalkan inisiatif kerajaan yang bertumpu untuk memastikan semua industri beradaptasi dengan AI. Unjurannya pada tahun 2021 produktiviti mereka meningkat, malah dianggarkan pada tahun 2030 mereka akan menjadi harimau besar di Asia Tenggara dengan peningkatan produktiviti 7.2%”.	Pendebat menggunakan statistik bagi mengukuhkan hujah
TPM	“Langkah persediaan krisis luar jangka Makalah <i>The Near Journey to the VUCA World 2023</i> yang diterbitkan oleh Universiti Oxford menyebut pada tahun 2021 hingga 2023, merupakan <i>OPEN DUMB</i> atau istilah lainnya kiamat permula kepada ketamadunan manusia”. “Tamsilnya, Laporan Anggaran Pendapatan dan Insiden Kemiskinan 2020 mendedahkan 12.8% isi rumah T20 beralih kepada kumpulan M20 malah 48.2% isi rumah M40 beralih kepada kumpulan B40 dan lebih mendukacitakan polis diraja Malaysia melaporkan peningkatan 81% kes bunuh diri berbanding tahun 2020”	Pendebat Menggunakan fakta bagi mengukuhkan hujah
TKP	“Pasaran buruh Malaysia kadar produktiviti dan output keluaran Malaysia mengalami penyusutan hampir 22.1% dalam tempoh 5 tahun tuan-tuan dan puan-puan 2017-2022 akibat daripada Malaysia berada di paras sederhana pembangunan industri berteraskan kepintaran buatan berpunca daripada kelesuan tenaga kerja, bebanan kerja, ketidakcekapan tenaga dalam tenaga buruh dalam menggerakkan industri”. “Makalah Harvard tuan-tuan dan puan-puan yang bertajuk Business reminder yang akan menyumbang kepada 2.1 juta kepada syarikat yang menyambut transisi ini”. “Dalam laporan <i>Open Mind BBBA</i>, Pembangunan Kepintaran Buatan seperti Google virtual Assistant dan People Analytic Aperiical, telah berjaya membawa kepada purata penjimatan masa sebanyak 10 jam dalam seminggu tuan-tuan dan puan-puan membawa pada keuntungan yang lebih 0.5 juta USD kepada syarikat seperti Amazon dan	Pendebat menggunakan fakta bagi mengukuhkan hujah

Jadual 2 memperlihatkan bahawa para pendebat mematuhi prinsip maksim kualiti apabila setiap hujah, bidasan dan kenyataan yang dikemukakan disokong dengan bukti yang sahih dan berautoriti. Dalam peringkat awal perdebatan, Perdana Menteri (PM) telah mengemukakan takrifan usul berdasarkan sumber yang berwibawa. Sebagai contoh, konsep “tenaga kerja manusia” dirujuk daripada artikel *World Human Creating More Human Workplace*, manakala istilah “kecerdasan buatan” diperjelas melalui definisi yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia. Bagi memperkukuh hujah pertama pihak kerajaan, PM turut menggunakan data empirikal daripada Jabatan Perangkaan Negara yang melaporkan ketidaksepadanan pekerjaan dalam kalangan graduan. Selain itu, maksim kualiti turut diaplikasikan dalam usaha mengukuhkan hujah-hujah lain. Misalnya, Ketua Pembangkang (KP) mengemukakan bukti kuantitatif mengenai peningkatan kadar penambahbaikan pengangguran sebanyak 3.5%. KP juga merujuk kepada kajian Pembangunan Produktiviti serta mengambil model relatif dari Vietnam bagi menunjukkan keberkesanan strategi yang berorientasikan kecerdasan buatan. Penggunaan bukti empirikal dan sumber ilmiah ini turut diamalkan oleh Timbalan Perdana Menteri (TPM), Timbalan Ketua Pembangkang (TKP), Menteri Pertahanan (MP) dan Perdana Pembangkang (PP). Antara sumber yang dirujuk bagi memperkukuh hujah dan bidasan termasuklah makalah *The Near Journey to the VUCA World 2023* terbitan Universiti Oxford, Laporan Anggaran Pendapatan dan Insiden Kemiskinan 2020, data mengenai kadar produktiviti dan output Malaysia, laporan *Open Mind BBBA*, laporan pembangunan kecerdasan buatan, serta Statistik Tenaga Buruh. Kesemua rujukan ini membuktikan bahawa para pendebat menitikberatkan kesahihan, ketepatan, dan kredibiliti dalam menyampaikan ideologi sekali gus memenuhi keperluan maksim kualiti.

Maksim kualiti merupakan antara prinsip penting dalam penyampaian sesebuah ideologi. Hal ini demikian kerana tahap kepercayaan khalayak terhadap sesuatu ideologi sangat bergantung pada ketepatan dan kesahihan bukti yang digunakan untuk menyokong hujah tersebut (Hu, Y., et al., 2023). Keupayaan seorang penutur menyampaikan maklumat atau pernyataan berdasarkan fakta yang sahih dan boleh dipercayai juga boleh dianggap sebagai salah satu strategi eufemisme dalam memperkukuh penyampaian ideology (Zhu, W., et al., 2021). Pendekatan ini selari dengan etika komunikasi yang menuntut agar setiap ujaran tidak menimbulkan salah faham, fitnah, atau kekeliruan dalam kalangan pendengar. Selain itu, kekuatan fakta yang dibentangkan turut berperanan dalam menentukan sama ada sesuatu ideologi diterima atau ditolak oleh audiens (Maimaitituoheti, A., Yong, Y., dan Xiachao, F., 2022). Kepatuhan terhadap maksim kualiti ini juga memperlihatkan bahawa para pendebat mengamalkan strategi eufemisme yang berteraskan prinsip tanggungjawab dan integriti dalam penyampaian maklumat. Amalan ini bukan sahaja memperkukuh kredibiliti penutur, malah turut memberi kekuatan retorik yang mampu mempengaruhi tahap kepercayaan pendengar terhadap ideologi yang diketengahkan.

Maksim Kuantiti

Maksim kuantiti menekankan kepentingan keseimbangan maklumat yang disampaikan oleh penutur. Penutur perlu memberikan maklumat yang mencukupi, iaitu tidak terlalu sedikit sehingga menimbulkan kekaburan dan tidak pula berlebihan sehingga menyebabkan perbincangan menjadi kabur atau tersasar daripada isu utama (Norhidayu Hasan et al., 2021). Dalam konteks perdebatan, pematuhan kepada maksim kuantiti dapat dilihat apabila pendebat menyampaikan hujah secara padat, jelas, dan terarah kepada isu yang sedang dibincangkan tanpa mengemukakan maklumat tambahan yang tidak relevan.

Bagi kajian ini, pengkaji mendapati maksim kuantiti wujud dengan jelas dalam beberapa segmen perbahasan, khususnya ketika pendebat menjawab izin laluan. Dalam situasi ini, pendebat cenderung untuk memberikan jawapan yang ringkas tetapi lengkap, iaitu cukup sekadar menjawab persoalan lawan tanpa mengalihkan fokus daripada hujah utama. Strategi ini bukan sahaja mengekalkan aliran perbahasan agar kekal fokus pada isu topik, tetapi juga menjadi satu

bentuk eufemisme kerana penutur memilih untuk menyampaikan maklumat yang tepat, padat, dan tidak berlebihan agar tidak menimbulkan kekeliruan. Melalui pematuhan kepada maksim kuantiti, pendebat berjaya untuk mengekalkan kejelasan komunikasi serta memperlihatkan keupayaan mengawal maklumat yang disampaikan dengan berhemah. Hal ini sekali gus memperkukuh kredibiliti hujah dan memastikan ideologi yang dibawa tidak terganggu oleh maklumat sampingan yang tidak diperlukan.

Jadual 3: Maksim Kuantiti dalam Debat

Pendebat	Ujaran	Huraian
PM	“Yang Berhormat dua, apa matlamat debat hari ini? kedua keadaan keluasan produktiviti pertumbuhan akibat daripada pasaran buruh yang tidak beradaptasi dengan kepintaran buatan atau tenaga kerja?”. “Yang Berhormat, pentas akhir ni. Saya baru sahaja bentang matlamat perdebatan. Sekali pun begitu kelesuan produktiviti merujuk kepada gambaran masalah-masalah yang kita hadapi dan pembinaan tenaga manusialah yang kita perlukan untuk depanti isu ini”.	PM berjaya menjawab izin laluan dengan tepat dan ringkas.
KP	“Dato Sharifah bercanggah dah ni, anda baru sahaja kata inisiatif sekarang tak berkesan malah kita tak hargai bakat dan kepakaran graduan sebab itulah perlu utamakan pembinaan tenaga kerja manusia”. “YB, anda perlu faham saya jelaskan kepada anda bukan kita tidak menghargai bakat orang yang profesional, mereka lari keluar negara kerana ekosistem kita sekarang tidak padan dengan kemahiran yang mereka ada. Kalau kita utamakan AI TYDP ekosistem kita akan sesuai dengan mereka. Perlu atau tidak mereka lari? Tidak TYDP”.	KP berjaya menjawab izin laluan dengan tepat dan ringkas
TPM	“YB, saya nak tanya bagaimana respon anda setelah sekian lama kita berikan tumpuan kepada pembangunan tenaga kerja tapi masih kelesuan produktiviti tidak dapat diselesaikan”. “YB. siapa kata setelah sekian lama kita memberi tumpuan kepada tenaga kerja, sebab itulah usul ini kita menilai bagaimana dengan memberi keutamaan kepada tenaga kerja manusia boleh mengatasi isu-isu yang dilampirkan oleh kerajaan”.	TPM berjaya menjawab izin laluan dengan tepat dan ringkas
TKP	“Dato Umairah cakap inisiatif sekarang tidak berkesan anda pulak cakap inisiatif sekarang berkesan mana satu pendirian pembangkang? Tidak, anda ni dah bermainipulasi dalam debat, suka untuk saya beritahu kepada anda inisiatif sudah dibuat anda tiada sumbangan. Dalam keadaan inisiatif semasa tidak berkesan, keadaan apakah bila kita utamakan boleh tunjukkan keberkesanan pula. Setakat sudah sekian lama kita berusaha kesannya masih sama. Bila kita utamakan adakah kesannya akan berubah? Tanda tanya yang perlu dijawab di meja pihak perwakilan kerajaan”.	TKP berjaya menjawab izin laluan dengan tepat dan ringkas
MP	“Yang terhormat, pendirian yang terhormat keadaan pengangguran sebab tenaga kerja kita tak bersedia untuk masuk industri atau	MP berjaya menjawab izin

	sebenarnya tak dak peluang dalam ekosistem tuntutan semasa dalam industri? Yang terhormat, saya kira yang terhormat tak baca berita bagaimana kalau kita tahu, banyak peluang pekerjaan tak dapat disediakan, sebab itulah pegangan kerajaan adalah kita perlu tambah peluang pekerjaan kepada graduan dan kita perlu berikan peluang pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan mereka warga dewan sekalian. menjawab pertikaian mereka".	lalu dengan tepat dan ringkas
--	---	--------------------------------------

Jadual 3 memperlihatkan bahawa maksim kuantiti telah dipatuhi oleh para pendebat khususnya dalam sesi izin laluan yang diajukan sepanjang perdebatan. Sebagai contoh, PM berjaya menunjukkan kepatuhan terhadap maksim ini apabila menjawab persoalan daripada pihak pembangkang dengan ringkas, padat dan terus kepada isu yang ditanyakan. PM memberikan respons yang tidak berlebihan, sebaliknya menumpukan kepada inti pati soalan yang dikemukakan. Dalam sesi tersebut, pembangkang mengemukakan dua soalan utama. Pertama, soalan berkaitan matlamat usul yang diperdebatkan, manakala soalan kedua berkisar tentang isu penyelesaian yang didakwa tidak menjawab permasalahan yang dibangkitkan. PM menganggap kedua-dua persoalan ini dengan menyatakan bahawa matlamat debat telah dijelaskan dengan jelas sejak awal perbincangan, sementara isu yang diketengahkan pihak lawan boleh ditangani melalui cadangan penyelesaian yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan. Jawapan yang diberikan bersifat ringkas, memadai, dan menepati keperluan soalan tanpa menambah maklumat yang tidak relevan. Pemenuhan maksim kuantiti ini membuktikan bahawa pendebat bukan sahaja peka terhadap keperluan maklumat dalam sesuatu pertanyaan, malah turut mengamalkan strategi eufemisme dalam komunikasi dengan cara mengelakkan pengulangan atau penjelasan yang berlebihan. Hal ini sekali gus mengekalkan fokus perbincangan pada isu utama, di samping meningkatkan keberkesanan penyampaian ideologi kepada audiens.

Jawapan yang diberikan oleh para pendebat jelas menunjukkan pematuan terhadap maksim kuantiti. KP turut menzahirkan kepatuhan terhadap maksim ini apabila menjawab secara langsung persoalan yang diajukan oleh pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat melalui soalan yang dikemukakan oleh kerajaan:

"Anda baru sahaja kata inisiatif sekarang tak berkesan malah kita tak hargai bakat dan kepakaran graduan sebab itulah perlu utamakan pembinaan tenaga kerja manusia".

Sebagai respons, KP menjawab terus kepada inti persoalan dengan menyatakan bahawa: *"bukan kita tidak menghargai bakat orang yang profesional, mereka lari keluar negara kerana ekosistem kita sekarang tidak padan dengan kemahiran yang mereka ada. Kalau kita utamakan AI TYDP, ekosistem kita akan sesuai dengan mereka. Perlu atau tidak mereka lari? Tidak TYDP"*.

Jawapan tersebut membuktikan bahawa KP tidak menambah maklumat yang berlebihan atau menyimpang daripada fokus soalan. Sebaliknya, KP menjawab dengan padat, jelas dan memadai, sekali gus memenuhi tuntutan maksim kuantiti. Strategi ini turut memperlihatkan keberkesanan penggunaan eufemisme dalam komunikasi, iaitu dengan menyampaikan maklumat yang mencukupi tanpa mengundang kekeliruan. Justeru, audiens dapat memahami ideologi yang ingin ditegaskan tanpa perlu menapis maklumat tambahan yang tidak relevan. Jawapan yang diberikan oleh KP tidak bersifat berlebihan mahupun terkurang, sebaliknya menjawab terus kepada persoalan yang diajukan. Hal ini menunjukkan bahawa KP telah mematuhi maksim kuantiti sebagaimana yang digariskan oleh Prinsip Kerjasama Grice (1975). Selain itu, TKP juga jelas mematuhi maksim kuantiti ketika menjawab soalan yang diajukan oleh pihak kerajaan berkaitan pendirian pembangkang. TKP menjawab dengan ringkas tetapi padat bahawa pihak pembangkang menolak usaha lama yang dianggap tidak berkesan, lalu berpegang pada pendirian baharu iaitu mengutamakan pembangunan kecerdasan buatan berbanding tenaga kerja manusia. Jawapan ini disampaikan secara langsung tanpa sebarang tambahan maklumat yang tidak

diperlukan, sekali gus memenuhi kehendak maksim kuantiti. Kepatuhan terhadap maksim kuantiti turut dapat dilihat dalam jawapan-jawapan yang diberikan oleh TPM, MP dan PP. Setiap pendebat menjawab soalan dengan menepati keperluan maklumat yang diminta, tidak melebihi-lebihkan atau menyimpang daripada fokus soalan. Hal ini bukan sahaja menepati prinsip komunikasi yang efektif, tetapi juga menjadi salah satu strategi eufemisme dalam menyampaikan ideologi dengan lebih tersusun, jelas dan beretika.

Kepatuhan terhadap maksim kuantiti membolehkan pendengar menerima maklumat yang mencukupi tanpa dibebani dengan keterangan tambahan yang tidak diperlukan. Hal ini penting bagi memastikan pendengar kekal fokus terhadap penyampaian hujah serta memudahkan penerimaan ideologi yang ingin diketengahkan. Dalam konteks perdebatan, pematuhan kepada maksim ini dapat dilihat dengan jelas ketika sesi izin laluan, rata-rata pendebat memberikan jawapan yang ringkas, padat dan terus menjawab persoalan yang diajukan. Strategi ini bukan sahaja memperlihatkan penguasaan mereka terhadap isu yang dibahaskan, tetapi juga berperanan sebagai bentuk eufemisme yang menjaga kesantunan berbahasa serta memastikan mesej disampaikan dengan berkesan. Sebagai contoh, ketika wujud soalan berkaitan kekeliruan mengenai pendirian pihak pembangkang, TKP memberikan jawapan secara langsung bahawa pihak pembangkang berpegang kepada pendirian untuk mengutamakan pembangunan kecerdasan buatan berbanding tenaga kerja manusia. Jawapan yang diberikan tidak meleret, sebaliknya mencukupi untuk menjawab izin laluan tersebut. Situasi ini membuktikan bahawa jawapan yang mematuhi maksim kuantiti berupaya menyampaikan maklumat yang tepat, secukupnya, dan relevan, sekali gus membantu pendengar memahami serta menilai ideologi yang dipertahankan dengan lebih baik.

Tuntasnya, pematuhan terhadap maksim kuantiti dapat dianggap sebagai strategi eufemisme yang signifikan dalam komunikasi berkesan, khususnya dalam wacana perdebatan. Keupayaan pendebat memberikan maklumat secukupnya tanpa berlebihan mahupun kekurangan menzahirkan tanggungjawab mereka untuk menyampaikan hujah yang jelas, padat dan mudah difahami. Penyampaian yang memenuhi tuntutan soalan bukan sahaja membantu pendengar memahami isu dengan lebih tepat, malah turut mengekalkan fokus mereka terhadap aliran hujah yang dibentangkan. Secara tidak langsung, strategi ini juga dapat mempengaruhi pendengar untuk lebih cenderung menerima ideologi yang dibawa kerana maklumat yang disampaikan terarah, relevan dan tidak menimbulkan kekeliruan. Hal ini membuktikan bahawa maksim kuantiti bukan sekadar prinsip kerjasama komunikasi, tetapi juga medium eufemisme yang berperanan dalam memperkuat kredibiliti dan daya persuasif sesebuah hujah.

Maksim Relevan

Maksim relevan menuntut agar setiap ujaran yang disampaikan oleh penutur berada dalam ruang lingkup perbincangan dan tidak menyimpang daripada konteks yang ditetapkan. Dalam kerangka perdebatan, maksim ini memastikan bahawa hujah, bidasan dan izin laluan sentiasa mempunyai pertalian yang rapat dengan usul yang sedang dibincangkan. Sekiranya pendebat gagal mematuhi maksim ini, perbincangan boleh terganggu kerana wujudnya maklumat yang tidak relevan atau menyimpang daripada fokus utama. Dalam dapatan kajian, didapati bahawa para pendebat dalam Pertandingan Debat Diraja 2023 telah menunjukkan pematuhan yang jelas terhadap maksim relevan. Sebagai contoh, ketika PM mendefinisikan usul berkaitan “pembangunan tenaga kerja manusia” dan “kecerdasan buatan”, definisi yang dikemukakan adalah berasaskan sumber sahih yang secara langsung berkait dengan tema perdebatan. Hal ini bukan sahaja memastikan aliran perdebatan tidak terpesong, malah mengukuhkan kefahaman pendengar terhadap konteks perbincangan. Begitu juga ketika KP memberikan respons terhadap persoalan kerajaan mengenai penghargaan terhadap bakat profesional, jawapan yang diberikan mengekalkan kaitan rapat dengan isu ekosistem tenaga kerja dan kecerdasan buatan tanpa meleret kepada isu yang tidak berkaitan.

Pematuhan terhadap maksim relevan juga dapat dilihat dalam sesi bidasan, apabila pendebat kedua-dua pihak berhujah secara langsung terhadap kenyataan lawan dengan membawa data, perbandingan dan cadangan yang terus mengikat perbincangan kepada usul yang diperdebatkan. Tiada percubaan untuk mengalihkan isu atau membangkitkan perkara luar konteks, sebaliknya semua kenyataan mengekalkan hubungan semantik dan pragmatik dengan tajuk perdebatan. Dari sudut strategi eufemisme, maksim relevan menjadi alat penting dalam menjaga kesantunan komunikasi kerana maksim ini bertujuan untuk mengelakkan penggunaan ujaran yang menyimpang, menyeleweng atau berpotensi menyinggung pihak lain (Grice, 1975). Apabila pendebat mengekalkan relevansi ujaran, pendebat sebenarnya sedang menyusun wacana secara berhemah dengan memastikan ideologi yang disampaikan tidak menimbulkan salah faham. Dengan demikian, pematuhan terhadap maksim ini memperkukuh kredibiliti pendebat sekali gus meningkatkan peluang ideologi yang dibawa dapat diterima oleh khalayak.

Jadual 4: Maksim Relevan dalam Debat

Pendebat	Ujaran	Huraian
PM	“Asas ekonomi manusiawi ialah asas pembangunan yang holistik berbanding keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan dan kebajikan”. “Analisis pertama isu <i>mismatch</i> atau ketidaksepadanan graduan. Untuk memudahkan pemahaman anda semua, <i>mismatch</i> ini merujuk kepada keadaan anda belajar sesuatu pelajaran atau dalam bidang pendidikan, tetapi anda tidak dapat menempatkan diri dalam sektor pekerjaan yang sepatutnya”	Ucapan dimulakan dengan petikan YAB Perdana Menteri Malaysia bertepatan dengan usul perdebatan. Hujah bertepatan dengan usul perdebatan
KP	“Pernah atau tidak anda mendengar kata-kata Albert Einstein, “orang yang mengulangi perkara yang sama namun mengharap hasil yang berbeza adalah orang yang tidak waras”. “TYDP, tahukah anda, sebelum ini melalui RMK-10 hingga ke RMK-11, iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020 dasar-dasar kerajaan dan inisiatif-inisiatif yang kita laksanakan berfokus dan ditumpukan kepada membangunkan tenaga kerja manusia”. “Contohnya, polisi kerajaan memperkenalkan gaji miniumun kononnya untuk menaikkan produktiviti kerja. Kedua, pembangunan <i>enrolment</i> pendidikan TVET tujuannya untuk meningkatkan produktiviti kerja, meningkatkan jumlah pekerja kemahiran tinggi dan untuk memobilisasikan perkembangan industri”.	Hujah dimulakan dengan kata-kata yang bertepatan dengan hujah yang ingin disampaikan oleh KP
MP	“Berkenaan isu pembuktian, mereka kata akan melaksanakan AI. Bagaimana dengan AI ini tiba-tiba menjadi masalah ketidaksepadanan golongan rentan seperti OKU dan wanita untuk memperoleh pekerjaan apabila komputer mengambil tempat mereka warga dewan sekalian. Perkara inilah sampai ke saat ini kita masih tidak faham”. “Berkenaan hasil tenaga kerja kita tidak ada bakat pertama sekali, ini adalah satu hinaan dan tuduhan yang berat kepada graduan dan juga rakyat Malaysia. Mengapa? kerana menurut daripada statistik tenaga buruh yang dikeluarkan oleh jabatan statistik Malaysia, kita mempunyai seramai 1.9 juta pekerja	Bidasan yang dilakukan bertepatan dengan kenyataan yang diujarkan oleh MP

	berpendidikan tinggi, namun mereka memiliki kerja yang tak setara dengan kemahiran warga dewan sekalian. Jawab ada bakat atau tidak, kami jawab ada. Namun, peluangnya tidak ada warga dewan sekalian”.	
--	--	--

Jadual 4 memperlihatkan kepatuhan terhadap maksim relevan yang ditunjukkan oleh para pendebat sepanjang sesi perdebatan. Dalam bahagian pengenalan, PM telah mematuhi maksim ini dengan memulakan ucapannya melalui petikan kata-kata Perdana Menteri Malaysia: *“Asas ekonomi manusiawi ialah asas pembangunan yang holistik berbanding keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan.”* Petikan tersebut selaras dengan usul yang dibincangkan, sekali gus menggambarkan bahawa usul tersebut wajar diterima kerana pembangunan ekonomi seharusnya berlandaskan aspek manusiawi, iaitu menekankan etika dan sosial, berbanding memberi tumpuan kepada teknologi semata-mata. Dalam bahagian hujah pula, PM mengemukakan hujah pertama yang jelas relevan dalam menyokong usul perdebatan. Sebagai contoh, beliau menegaskan: *“Analisis pertama isu mismatch atau ketidaksepadanan graduan. Untuk memudahkan pemahaman, mismatch ini merujuk kepada keadaan apabila seseorang menuntut dalam bidang tertentu, tetapi tidak berpeluang untuk menempatkan diri dalam sektor pekerjaan yang sepatutnya.”* Hujah berkenaan membuktikan keberkesanan PM dalam memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan rapat dengan isu yang diperdebatkan, seterusnya menegaskan pematuhan terhadap prinsip maksim relevan. Selain itu, dalam bahagian hujah, KP turut mematuhi prinsip maksim relevan dengan memulakan hujahnya melalui petikan kata-kata Albert Einstein: *“Orang yang mengulangi perkara yang sama namun mengharapkan hasil yang berbeza adalah orang yang tidak waras.”* Petikan tersebut secara langsung menyokong pendirian pembangkang yang beranggapan bahawa keutamaan yang selama ini diberikan kepada tenaga kerja manusia masih belum mampu menyelesaikan permasalahan yang wujud. Justeru, pembangkang mengusulkan pendekatan baharu dengan memberikan penekanan terhadap pembangunan kecerdasan buatan (AI), yang diyakini dapat menawarkan penyelesaian lebih efektif terhadap isu yang diketengahkan oleh pihak kerajaan. Dalam bahagian bidasan pula, pendebat telah mengemukakan hujah balas yang bersesuaian serta berlandaskan logik dalam menolak pandangan pihak lawan. PM dan PP jelas menunjukkan kepatuhan terhadap maksim relevan apabila bidasan yang dikemukakan menepati kelompokan dalam hujah pihak lawan, sekali gus memperkukuh kedudukan mereka dalam perdebatan.

Maksim relevan dapat dianggap sebagai salah satu strategi eufemisme yang berfungsi memastikan penutur tidak menyimpang daripada topik perbincangan yang sedang dibahaskan. Keupayaan untuk mengekalkan kerelevanan dalam pertuturan bukan sahaja memudahkan pendengar memahami mesej yang ingin disampaikan, malah turut memperkukuh penyampaian ideologi agar setiap ujaran mempunyai kesinambungan yang erat antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa maksim relevan telah diaplikasikan secara konsisten dalam hujahan mahupun bidasan yang dikemukakan oleh pendebat. Setiap idea yang dilontarkan bertepatan dengan tuntutan usul perdebatan, sekali gus memastikan pendengar dapat mengikuti hujah dengan jelas dan berfokus. Sebagai contoh, PM telah mematuhi maksim relevan dengan memetik ucapan Perdana Menteri Malaysia: *“Asas ekonomi manusiawi ialah asas pembangunan yang holistik berbanding keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan.”* Petikan tersebut amat signifikan digunakan sebagai pembuka perdebatan kerana hal ini selaras dengan usul yang dibawa, iaitu menekankan kepentingan pembangunan tenaga manusia berbanding kecerdasan buatan. Hal ini membuktikan bahawa pematuhan terhadap maksim relevan dapat mengukuhkan justifikasi hujah yang dikemukakan.

Pematuan terhadap maksim relevan telah memberikan gambaran awal kepada pendengar untuk menerima usul perdebatan serta ideologi yang dibawa oleh pihak kerajaan. Kepatuhan ini turut dapat dilihat melalui hujah yang dikemukakan, yang bukan sahaja selaras dengan usul, tetapi juga relevan untuk dibincangkan dalam konteks perdebatan. Hal ini menunjukkan bahawa strategi eufemisme berfungsi untuk memastikan hujah yang disampaikan bersifat adil dan berlandaskan kerelevanan, agar pihak lawan turut berpeluang untuk berdebat

dalam ruang lingkup yang sama tanpa menyimpang daripada skop perbahasan. Sebagai contoh, pihak kerajaan mengemukakan isu *mismatch* atau ketidakpadanan pekerjaan sebagai salah satu hujah utama. Isu ini berlandaskan realiti negara apabila ramai graduan tidak memperoleh pekerjaan yang sepadan dengan bidang pengajian mereka. Dengan menekankan keutamaan terhadap pembangunan tenaga kerja manusia berbanding kecerdasan buatan, pihak kerajaan telah membuktikan kerelevanan hujah yang dikemukakan serta kejelasan dalam mengaitkan isu dengan usul yang dibawa.

Natijahnya, kerelevanan hujah yang dibentangkan oleh pendebat amat penting untuk memastikan skop perdebatan kekal berada pada landasan yang tepat. Keupayaan pendebat dalam memilih isu yang sesuai bukan sahaja menjadi strategi yang berkesan untuk menyampaikan ideologi, malah turut memudahkan pendengar memahami hujah yang dibentangkan. Hal ini seterusnya memperlihatkan bahawa pematuhan terhadap maksim relevan merupakan salah satu strategi eufemisme yang signifikan dalam memastikan mesej yang disampaikan diterima baik oleh audiens.

Maksim Cara

Maksim cara merujuk kepada sejauh mana sesuatu maklumat dapat disampaikan secara jelas, tersusun dan mudah difahami oleh pendengar. Prinsip ini menuntut penutur untuk mengelakkan penggunaan ujaran yang bersifat kabur, berbelit-belit atau menimbulkan ketaksaaan semasa menyampaikan hujah. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati pematuhan terhadap maksim cara dapat dilihat melalui penggunaan kata sapaan yang sesuai, teknik bidasan yang ringkas dan mudah difahami serta penyusunan hujah yang sistematik sehingga dapat membantu audiens mengikuti aliran perbincangan dengan lebih teratur.

Jadual 5: Maksim Cara dalam Debat

Pendebat	Ujaran	Huraian
PM	“Tenaga kerja manusia menurut artikel <i>World Human Creating More Human Workplace</i> dengan izin Tuan Yang Dipertua merujuk kepada gambaran manusia boleh beradaptasi dan menempatkan diri dalam sektor pekerjaan mahir, separa mahir atau kurang mahir. Yang Berhormat, pertama, apa matlamat debat hari ini? Kedua, keadaan keluasan produktiviti pertumbuhan akibat daripada pasaran buruh yang tidak beradaptasi dengan kepintaran buatan atau tenaga kerja? Yang Berhormat, pentas akhir ni. Saya baru sahaja bentang matlamat perdebatan. Sekali pun begitu kelesuan produktiviti merujuk kepada gambaran masalah-masalah yang kita hadapi dan pembinaan tenaga manusialah yang kita perlukan untuk depan isu ini ”.	Meminta izin TYDP apabila mengujarkan bahasa Inggeris. Menggunakan kata panggilan Yang Berhormat ketika berada dalam dewan perdebatan
KP	“Terima kasih Tuan Yang Dipertua serta seisi dewan, warga dewan yang budiman”. “Mereka hadirkan kepada kita tentang tiga masalah, namun persoalan terbesar di meja kerajaan selepas kita mengatasi tiga masalah ini, dalam kita menambah baik pasaran buruh apa matlamat yang akan kita capai kepada pembangunan buruh, ekonomi dan industri negara kita?. TYPD, keadaan ini yang mereka tinggalkan oleh perwakilan kerajaan. Sebab itu, perdebatan menjadi compang-camping, tak apa, perwakilan pembangkang hadir untuk menambah baik. Kita pasakkan perdebatan ini kepada pelan induk perindustrian baru NINP yang menyasarkan pada tahun 2030 usaha kita perlu ke arah revolusi industri, berteraskan AI, IOT dan Automasi ”.	Ucapan dimulakan dengan kata sapaan kepada ahli dewan Bidasan dibuat dengan susunan bernombor dan terperinci

	teknologi. Maka, sekalipun kita ingin menyelesaikan masalah kita haruslah mencapai kepada matlamat ini, TYPD. Itu pertama. Kedua, dalam dewan perdebatan ini, mereka gariskan kepada kita tiga masalah namun analisis mereka bersifat simplistik. Sebab pertama adakah punca kepada masalah-masalah ini adalah disebabkan kita selama ini adalah kita?”.	
TPM	“Assalamualaikum dan salam sejahtera”. “Baik, sebagai Timbalan Perdana Menteri suka untuk saya respon terus kepada kebobrokan di meja perwakilan pembangkang. Pertama, saya kira perwakilan pembangkang hari ini gagal untuk menafikan usul perdebatan sebab bagi meja perwakilan pembangkang sekarang kita tiada isu pengangguran sebab itu pengangguran sudah berkurang”.	Memulakan ucapan dengan mendoakan seisi dewan. Menyatakan gerak kerja sebagai TPM

Jadual 5 memperlihatkan pematuhan pendebat terhadap maksim cara dalam ucapan yang disampaikan. Berdasarkan analisis, maksim ini merupakan antara maksim yang paling dominan digunakan sepanjang persidangan debat tersebut. Sebagai contoh, PM telah mematuhi maksim cara dengan menyatakan: *“Tenaga kerja manusia menurut artikel World Human Creating More Human Workplace dengan izin Tuan Yang Dipertua...”* Permohonan izin daripada Tuan Yang Dipertua dilakukan kerana penggunaan bahasa Inggeris tidak dibenarkan secara langsung dalam dewan perdebatan. Justeru, bagi setiap frasa atau istilah bahasa Inggeris yang ingin digunakan, pendebat perlu memperoleh kebenaran rasmi terlebih dahulu. Selain itu, PM turut menzahirkan kepatuhan kepada maksim cara dengan menggunakan kata ganti nama yang beradab, seperti panggilan *“Yang Berhormat”*, ketika mengajukan izin laluan kepada pihak lawan. Praktik ini bukan sahaja menunjukkan kejelasan dan ketertiban dalam berbahasa, tetapi juga mengekalkan keharmonian serta kesantunan komunikasi sepanjang sesi perdebatan.

Selain itu, dalam ucapan KP, pengkaji mendapati beliau turut menepati maksim cara apabila memulakan ucapannya dengan ungkapan: *“Terima kasih Tuan Yang Dipertua, serta seisi dewan, warga dewan yang budiman.”* Ucapan ini menunjukkan kepatuhan terhadap maksim cara kerana pendebat terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran para pendengar sebelum memulakan bidaan. Amalan ini memperlihatkan struktur komunikasi yang jelas, tersusun, dan bersantun, seterusnya memudahkan khalayak untuk mengikuti isi perbincangan yang akan dikemukakan. Pendebat lain juga mematuhi maksim cara dengan mengamalkan penggunaan kata sapaan dan doa kesejahteraan kepada audiens. Antara ujaran yang dapat diperhatikan termasuklah:

“Terima kasih Tuan Yang Dipertua serta seisi dewan,”, *“Warga dewan yang budiman,”*, *“Assalamualaikum dan salam sejahtera,”*, *“Bismillahirrahmanirrahim, tuan-tuan dan puan-puan,”*, *“Warga dewan sekalian,”* dan *“Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Yang Dipertua, perwakilan kerajaan, perwakilan pembangkang dan seterusnya warga dewan yang bersidang.”*

Penggunaan kata sapaan ini jelas membuktikan bahawa para pendebat mengutamakan kejelasan, kesantunan, serta kelancaran ujaran tanpa kekaburan. Malah, ia turut mencerminkan pematuhan terhadap etika komunikasi dalam konteks formal. Dari sudut strategi eufemisme, penggunaan sapaan penuh hormat berperanan menghaluskan ujaran, memelihara keharmonian suasana debat, dan mewujudkan persepsi positif dalam kalangan pendengar terhadap ideologi yang dibawa oleh pendebat. Semua ujaran sapaan tersebut telah digunakan oleh para pendebat sebagai pembuka bicara dalam perdebatan, sekali gus menunjukkan kepatuhan terhadap maksim cara. Pematuhan ini tidak hanya memperlihatkan kejelasan dan kesantunan berbahasa, tetapi turut memastikan komunikasi berlangsung dalam suasana yang teratur dan mudah difahami oleh pendengar. Selain itu, kepatuhan terhadap maksim cara turut terserlah melalui penggunaan teknik sindiran yang halus, sama ada melalui peribahasa mahupun petikan kata-kata tokoh. Strategi ini

membolehkan pendebat menyampaikan kritikan secara tersusun tanpa menimbulkan kekaburan maksud. Sebagai contoh, TKP telah mengungkapkan: *“Pesan saya buat meja perwakilan kerajaan dalam dewan perdebatan, janji itu ibarat mulut terlanjur emas tantangannya.”* Sindiran ini berfungsi sebagai strategi retorik yang mengekalkan kejelasan mesej, namun dalam bentuk yang lebih santun dan terhormat.

Dalam konteks perdebatan ini, penggunaan peribahasa dan kata-kata tokoh oleh para pendebat memperlihatkan bagaimana maksim cara diaplikasikan bukan sahaja untuk mengekalkan kejelasan ujaran, tetapi juga sebagai strategi eufemisme dalam menyampaikan kritikan. TKP, misalnya, telah menggunakan peribahasa untuk menyindir pihak kerajaan yang dianggap tidak menepati janji melalui ungkapan: *“Janji itu ibarat mulut terlanjur emas tantangannya.”* Peribahasa tersebut mengekalkan kesantunan bahasa namun tetap memberi mesej kritikan yang tajam terhadap kelemahan pihak lawan. Begitu juga dengan MP yang menggunakan peribahasa *“cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar, warga dewan sekalian”* sebagai sindiran terhadap pihak kerajaan. Penggunaan peribahasa ini menekankan kepentingan berwaspada ketika berucap agar kata-kata yang dikeluarkan tidak menjerat diri sendiri. Strategi ini bukan sahaja menepati maksim cara dengan menjadikan mesej lebih jelas, tetapi juga mengekalkan kredibiliti dan wibawa pendebat melalui bahasa yang halus. Selain itu, PP turut mengukuhkan kepatuhan terhadap maksim cara apabila memanfaatkan karya sastra klasik sebagai sindiran. Petikan daripada *Gurindam Dua Belas* karya Raja Ali Haji, iaitu *“Cakaplah biarlah cermat supaya hidup akan selamat”* digunakan untuk menegur pihak kerajaan agar lebih berhati-hati dalam membuat hujah. Ungkapan ini sekaligus menjadi satu bentuk kritikan yang tersusun, santun dan berautoriti kerana disandarkan kepada kata-kata tokoh yang diiktiraf dalam tradisi kesusasteraan Melayu. Penggunaan peribahasa dan kata-kata tokoh dalam kesemua contoh ini membuktikan bahawa para pendebat telah mengaplikasikan strategi eufemisme secara berkesan. Kritikan yang keras dilunakkan melalui gaya bahasa kiasan, sindiran halus dan nasihat berlapis, sejajar dengan tuntutan maksim cara yang menekankan kejelasan, kesantunan dan mengelak daripada ketaksaan. Natijahnya, sindiran yang digunakan bukan sahaja difahami dengan baik oleh pendengar, tetapi juga lebih mudah diterima kerana tidak disampaikan secara kasar atau ofensif.

Kepatuhan kepada maksim cara turut dapat dilihat apabila pendebat menggunakan teknik tersendiri untuk memastikan bidasan dan hujah mudah difahami oleh pendengar. Misalnya, KP telah menggunakan kaedah penyusunan bidasan secara bernombor dan terperinci. Kaedah ini bukan sahaja menjadikan bidasan lebih sistematik, malah memudahkan pendengar meneliti setiap *point* yang diketengahkan tidak keliru. Struktur hujah yang jelas merupakan salah satu strategi eufemisme kerana ia melambangkan usaha penutur menyampaikan mesej dalam bentuk yang tersusun, tidak berbelit, dan mudah difahami. Selain itu, TKP dan MP pula telah memilih pendekatan berbeza dengan memulakan bidasan melalui ringkasan keseluruhan hujah pihak kerajaan. Strategi ini membantu pendengar memahami gambaran umum kelemahan hujah lawan sebelum bidasan diperincikan satu demi satu. Teknik ringkasan ini menepati ciri maksim cara kerana ia mengelakkan kekaburan dan memberikan konteks yang jelas, sekali gus menjadikan mesej lebih terarah. Bagi penutup hujah, PP telah menampilkan strategi yang lebih kreatif dengan menggunakan tiga peribahasa sebagai simbol kepada tiga hujah kerajaan yang dipersoalkan. Peribahasa yang digunakan termasuklah *“niat hati memeluk gunung, apakan daya tangan tak sampai”* bagi menggambarkan kegagalan tenaga kerja manusia memenuhi transisi teknologi; *“di mana batang terguling, di situ cendawan tumbuh”* untuk menegaskan keperluan pembangunan AI dalam menampung perubahan industri; dan *“serampang dua mata”* bagi menunjukkan pembangunan AI bukan sahaja menyelesaikan masalah pemasaran, tetapi juga mempercepatkan revolusi teknologi. Penggunaan peribahasa ini memperlihatkan kreativiti pendebat dalam menstrukturkan hujah penutup dengan jelas, tersusun dan penuh makna simbolik. Keseluruhannya, pematuan terhadap maksim cara ini membuktikan bahawa pendebat bukan sahaja menekankan kejelasan bahasa malah turut memanfaatkan strategi retorik seperti penomboran, ringkasan dan peribahasa untuk mengukuhkan hujah. Strategi eufemisme ini melunakkan perdebatan agar tidak bersifat agresif atau berserabut, sebaliknya menjadikan hujah mudah difahami, beradab, dan berkesan dalam mempengaruhi penerimaan pendengar terhadap

ideologi yang dibawa.

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa maksim cara merupakan maksim yang paling dominan digunakan dalam ucapan perdebatan. Hal ini demikian kerana dalam proses penyampaian ideologi, aspek teknik penyampaian memainkan peranan yang signifikan dalam menarik perhatian audiens untuk kekal terlibat serta mendalami ideologi yang diketengahkan. Penemuan ini selari dengan pandangan Indirawati Zahid dan Muhammad Nasri Selamat (2020) yang menegaskan bahawa kepatuhan terhadap maksim cara dapat menjadikan sesuatu pengucapan lebih tersusun, sistematik, serta mampu meningkatkan minat khalayak. Justeru, dapat dirumuskan bahawa penguasaan teknik pengucapan yang berkesan amat penting bagi pendebat agar wacana yang disampaikan bukan sahaja mematuhi maksim cara, tetapi juga memberi impak komunikasi yang lebih jelas dan berkesan. Dalam kajian ini, didapati bahawa unsur maksim cara yang paling kerap digunakan oleh para pendebat ialah penggunaan kata sapaan. Kata sapaan berfungsi sebagai bentuk eufemisme yang sering digunakan dalam ucapan bagi menarik perhatian audiens serta mengekalkan keterlibatan mereka sepanjang perdebatan berlangsung. Antara contoh kata sapaan yang digunakan oleh pendebat termasuklah *“serta seisi dewan, warga dewan yang budiman”*, *“Assalamualaikum dan salam sejahtera”*, *“Bismillahirrahmanirrahim, tuan-tuan dan puan-puan”*, serta *“warga dewan sekalian”*. Penggunaan kata sapaan ini mempunyai daya retorik tersendiri kerana hal ini bukan sahaja mampu mencipta hubungan langsung antara penyampai dengan pendengar, bahkan juga memperkukuh interaksi Bucy, E. P., Foley, J. M., dan Wells, C. (2020). Di samping itu, penerapan kata sapaan dapat mewujudkan suasana kebersamaan antara pendebat dan audiens, sekali gus memudahkan proses penyampaian serta penerimaan ideologi yang diketengahkan. Lebih daripada itu, kata sapaan juga menjadi manifestasi penghormatan pendebat terhadap audiens, yang secara tidak langsung menghapuskan jarak hierarki antara penyampai dengan pendengar. Justeru, kata sapaan berperanan sebagai elemen pengikat yang mengeratkan hubungan dua hala dalam wacana perdebatan.

Selain itu, para pendebat turut mempamerkan sikap saling menghormati dengan tidak merendah-rendahkan pihak lawan sepanjang sesi perdebatan. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan panggilan hormat yang sesuai dan bertepatan dengan konteks sidang perbahasan, tanpa melibatkan kata panggilan yang bersifat kasar atau tidak sopan. Antara bentuk panggilan yang sering digunakan oleh pendebat termasuklah *“Yang Berhormat”*, *“Dato”* dan *“Tuan Yang Dipertua”*. Penerapan kata panggilan ini bukan sahaja menzahirkan kesantunan berbahasa, bahkan mewujudkan suasana profesional serta penuh adab dalam gelanggang perdebatan. Lebih penting lagi, penggunaan panggilan hormat sedemikian dapat menjamin bahawa kedua-dua pihak diberikan penghormatan yang setara, sekali gus memastikan penyampaian ideologi dapat berlangsung dengan lancar tanpa menimbulkan persengketaan. Perkara ini telah mewujudkan suasana harmoni antara para pendebat, seterusnya memastikan perdebatan berlangsung dalam keadaan tenang, teratur dan terkawal. Nilai kesopanan serta sikap saling menghormati dalam kalangan pendebat juga dapat ditelusuri melalui penggunaan peribahasa sebagai strategi sindiran terhadap pihak lawan. Misalnya, bagi menyatakan bahawa pihak lawan gagal menunaikan janji, seorang pendebat telah memilih peribahasa *“Janji itu ibarat mulut terlanjur emas tantangannya”*. Penggunaan peribahasa ini bukan sahaja memperhalus bentuk sindiran, malah mematuhi prinsip eufemisme dalam penyampaian hujah. Melalui strategi tersebut, kritikan yang dikemukakan tidak menimbulkan reaksi emosional yang melampau, sebaliknya mendorong pihak lawan untuk memberikan penjelasan lanjut berhubung janji yang dipersoalkan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa maksim cara yang diaplikasikan oleh para pendebat berfungsi sebagai salah satu bentuk eufemisme yang berkesan dalam mengekalkan tumpuan dan keterikatan penonton terhadap perbahasan. Teknik penyampaian yang berlandaskan kesantunan ini memperlihatkan bagaimana para pendebat menitikberatkan aspek kejelasan, kesopanan serta rasa hormat dalam pengucapan. Justeru, penerapan maksim cara bukan sahaja memperkukuh kredibiliti hujah, malah turut memudahkan penyampaian ideologi agar lebih mudah diterima serta mendapat perhatian khalayak pendengar.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pendebat telah mematuhi keseluruhan maksim yang digariskan dalam Prinsip Kerjasama Grice (1975). Pematuhan ini memperlihatkan strategi eufemisme yang diaplikasikan oleh pendebat dalam usaha menyampaikan ideologi secara berkesan. Maksim cara, misalnya, menonjolkan aspek kesopanan dan ketertiban dalam pengucapan sehingga membolehkan pendebat lebih dekat dengan khalayak serta mengekalkan keharmonian antara satu sama lain. Maksim kualiti memberikan tanggungjawab kepada pendebat untuk membuktikan kesahihan hujah dengan menyandarkan setiap pernyataan kepada fakta dan bukti yang sahih. Keupayaan ini meningkatkan kredibiliti hujah sekali gus memudahkan ideologi yang diketengahkan diterima oleh pendengar.

Selain itu, maksim relevan juga telah dipatuhi apabila pendebat berjaya mengaitkan hujah, bidasan, dan pernyataan secara konsisten dengan usul perdebatan, sekali gus memastikan wacana tidak terpesong daripada tema utama. Akhir sekali, maksim kuantiti berfungsi sebagai strategi eufemisme yang membolehkan setiap persoalan dijawab secara mencukupi, jelas dan selari dengan keperluan perbincangan. Pematuhan terhadap maksim ini turut mempengaruhi persepsi pendengar sama ada untuk menerima atau menolak ideologi yang disampaikan. Secara keseluruhannya, kepatuhan pendebat terhadap keempat-empat maksim ini bukan sahaja memudahkan pemahaman khalayak, malah turut mengekalkan tatasusila serta kesantunan berbahasa dalam penyampaian ideologi.

PENGHARGAAN

Kertas kajian ini merupakan kerjasama antara pensyarah dengan pelajar seliaan projek ilmiah tahun akhir. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pelajar Umami Khalilah Azman yang berkerjasama untuk menghasilkan penulisan dan kertas kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hasan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd. Mutalib (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 36(4). Pp. 410 – 427.
- Akhmad Samsuri, Widyatmike Gede dan Yusak Hudiyono. (2022). Ideologi Penggunaan Istilah-Istilah Covid-19 di Berita Online: Analisis Wacana Kritis Model Norman Fairclough. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(3), 603- 618.
- Anadya Shafitri. (2020). Analisis eufemisme dalam Debat Perdana Calon Presiden dan Wakil Presiden Republik Indonesia Pada Pemilihan Presiden 2019.
- Anis Asmira Mohd Faizal dan Mohammed Azlan Mis. (2024). Penggunaan Eufemisme dalam Bahasa Iban: Kajian di Kampung Sampun Kelili, Asajaya, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana*. 8(2),1-17.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd, Mutalib & Melor Fauzita. (2020). Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau: Euphemism Elements in Ranggau Novel. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8-16.
- Baldwin, J. W., Benmarhnia, T., Ebi. K. L., Jay, O., Lutsko, N. J., dan Vanos, J. K. (2023). Humidity's Role in Heat-Related Health Outcomes: A Heated Debate. *Environmental Health Perspectives*. 131(5). May 2023.
- Bucy, E. P., Foley, J. M., dan Wells, C. (2020). Performing Populism: Trump's Transgressive Debate Style and the Dynamics of Twitter Response. *SAGE Journal*. Volume 22. Issue 4.
- Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad. (2020). Analisis Wacana Kritis Bahasa dan Kuasa: Kepimpinan dan Pemuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 4(3). 1 – 8.
- Fitri Salsabella, Husnu Khatimah, Ikhrimah, Muhammas Farhan, Kalila Shahwa Noor Rahman, Leny Marlindawati dan Nur Asyifa Rohainy. (2023). Kesantunan Berbahasa Menurut Pandangan Islam. *Jurnal Agama, Sosial dan Budaya*. 1 (2). 38 – 47.
- Grice, H., P. (1975). *Logic and conversation*. In *Studies in Syntax and Semantics III: Speech Acts*. edited by P. Cole and J. Morgan, 183-98. New York: Academic Press.
- Hu, Y., Li, J., Wang, T., Su, D., Su, G., dan Sha, Y. (2024). A Unified Generative Framework for Bilingual Euphemism Detection and Identification. *Findings of the Association for Computational Linguistics: ACL 2024*. Pages 6753 – 6766. August 11 – 16, 2024. Association for Computational Linguistics.
- Indirawati Zahid dan Muhammad Nasri Selamat (2020) Analisis kesopanan bahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. *Jabatan Bahasa Melayu*. 15(1).
- Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah. (2023). Unsur Eufemisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*. 23(1), 1-32.
- Kartika Oktaviani, Nuraida dan Ahmad Harun Yahya. (2023). Analisis Eufemisme dan Disfemisme pada Judul Berita Online Tribunsumsel.com (Edisi Juni-Juli 2022). *Jurnal Ilmu Komunikasi dan Sosial Politik*, 1(2), 83-90.
- Maimaitituoheti, A., Yong, Y., dan Xiachao, F. (2022). A Prompt Based Approach for Euphemism Detection. Xinjiang Normal University, China. *Proceeding of the 3rd Workshop on Figurative Language Processing (FLP)*, pages 8 – 12.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim dan Wan Azni Mohamad. (2021). Aspek Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dua Buah Negara: *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 3(2), 1-20.
- Muhamad Faisal Ashaari., Nor Faizah Ismail., dan Rosmawati Mohamad Rasit. (2019). Reaksi Netizen Muda Terhadap Kebanjiran Maklumat di Alam Maya. *Malaysian Journal of Communication*. 35(3), 390-406.
- Muhammad Brilliant. (2021). Disfemisme dan Eufemisme Debat Final Trump Vs Biden di Youtube. In *Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra*.

- Muhammad Luqman Hakim Mohd Sa'ad dan Zulazhan Ab. Halim (2021). Leksikal Eufemisme dalam al-Quran dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu. *Asia Pacific Online Jurnal of Arabic Studies*. 4(1).
- Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari., dan Nor Azlili Hassan. (2019). Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Sains Insani*. 3(2), 37 – 48.
- Noor Fadilah Dawi dan Asiah Abas. (2020). Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Univerisiti Malaysia Sabah. *MANU*. 31 (2), 133-152.
- Norhidayu Hasan, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuwan Yaakob dan Fazilah Husin. (2020). Eksploitasi Maksim Grice Lambang Kehalusan Berbahasa Masyarakat Melayu: Analisis dalam Filem Dayang Senandong (195). *International Journal of the World and Civilization*. 8(2). 2020: 25 – 39.
- Okarisma Mailani., Irna Nuraeni., Sarah Agnia Syakila., dan Jundi Lazuardi. (2022). Bahasa Sebagai Alat Komunikasi dalam Kehidupan Manusia. *Kampret Journal*, 1(2), 1-10.
- Onebunne, L., A., dan Chukwu, A., E. (2023). Euphemism Strategies in President Buhari's Arise TV Interview. *Interdisciplinary Journal of African & Asian Studies (IJAAS)*. Vol. 9. No. 2. 2023.
- Rahizian Mohd Shukor, Nur Farakhanna Mohd Rosli, dan Kesavan Nallaluthan. (2021). Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>
- Rizki Istiani dan Dian Puspita. (2020). Interactional Metadiscourse Used in Bloomberg International Debate. *Linguistics and Literature Journal*. Vol. 1, No. 1, 13 – 20.
- Stanley, M. L., & Neck, C. P. (2025). Euphemism as a Powerful Framing Device That Influences Moral Judgments and Punitive Responses after Wrongdoing. *Journal of Applied Psychology*, 110(5), 723–740. <https://doi.org/10.1037/apl0001233>
- Stephan, H. R. (2020). Shaping the Scope of Conflict in Scotland's Fracking Debate: Conflict Management and the Narrative Framework. *Review of Policy Research (RPR)*. Volume 37. Issue 1. Pages 64 – 91.
- Wahyuningsih. (2020). *Eufemisme dalam Debat Capres Indonesia*. Tesis Master. Universiti Diponegoro: Semarang.
- Zhu, W., Gong, H., Bansal, R., Weinberg, Z., Christin, N., Fanti, G., dan Bhat, S. (2021). Self-Supervised Euphemism Detection and Identification for Content Moderation. *IEEE Symposium on Security and Privacy (SP)*. Pp 229 – 246. DOI 10.1109/SP40001.2021.00075

VIDEO

Youtube Majlis Pertandingan Akhir Debat Diraja Antara IPT 2023. https://www.youtube.com/live/75ffoL3uPXY?si=f8GYUH_uMlbli_Pf